



KRAFTANGAN
MALAYSIA

441

E-DOCUMENT



1500013347

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT I KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR 1 JALAN CONLAY 1 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | www.kraftangan.gov.my

SIARAN MEDIA

PROJEK KRAF KOMUNITI KU PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2019 – Kraftangan Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia mengadakan Majlis Pelancaran Projek Kraf Komuniti Ku Putrajaya yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya pada 8 Ogos 2019 bertempat di Lobi Dewan Persidangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Projek Kraf Komuniti Ku (KKK) merupakan inisiatif dan usaha Kraftangan Malaysia dalam memperkasa komuniti kraf di satu-satu kawasan atau daerah. Projek ini memberi fokus kepada pemantapan keusahawanan komuniti kraf melalui kemahiran dalam penghasilan, pengeluaran dan pemasaran produk kraf yang mampu meningkatkan pendapatan utama/ sampingan dan taraf hidup sesebuah komuniti. Projek KKK dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama strategik daripada pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan dalam membangunkan komuniti kraf yang lestari dan berdaya maju.

Menerusi projek ini, Kraftangan Malaysia telah menggerakkan dua fasa Makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk KKK Putrajaya iaitu melalui Makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf Batik Teknik Ikat Celup & Shibori dengan menggunakan Pewarnaan Asli bagi fasa 1 dan Pewarnaan Naphthol bagi fasa 2. Manakala, makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf Jahitan pula terdiri daripada jahitan Beg dan Soft Toys bagi fasa 1 serta Travel Set bagi fasa 2 dengan penglibatan seramai 46 orang peserta dari sekitar Putrajaya. Projek KKK Putrajaya dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya bertujuan memperkasa sosio-ekonomi komuniti bandar khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang terdiri daripada belia/ belianwanis, orang kelainan upaya (OKU), golongan kategori B40 serta suri/ ibu tunggal.



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT I KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR I JALAN CONLAY I 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | www.kraftangan.gov.my

Aktiviti makmal yang telah dilaksanakan bermula pada bulan April 2019 ini telah berjaya mengetengahkan kemahiran komuniti ini dengan bantuan kepakaran daripada tenaga pengajar yang terdiri daripada usahawan kraf serta pereka Kraftangan Malaysia sendiri.

Selain daripada memartabatkan hasil industri kraf tempatan, projek KKK Putrajaya juga dilihat dapat membantu merancakkan kegiatan ekonomi rakyat tempatan serta membawa manfaat kepada penduduk setempat dengan memberi faedah kepada industri lain seperti industri pelancongan, industri hiliran, pemakanan dan lain-lain perkhidmatan.

Produk hasil Projek Kraf Komuniti Ku boleh didapati di *outlet* Karyaneka yang terletak di Dataran Putrajaya berhampiran dengan Masjid Putra.

TAMAT.

Untuk maklumat lanjut, hubungi :

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR
JALAN CONLAY
TEL : 03 - 2162 7533 / 2162 7459
www.kraftangan.gov.my**